

Suntikan pelaburan ICT

u.m 24/05/08 M/S 10

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

KONGRES Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT) 2008 yang berlangsung selama lima hari bermula pada 18-22 Mei lalu melabuhkan tirainya dengan sejarah penganjuran paling berjaya pernah diadakan, demikian disimpulkan oleh Pengerusi, Informasi Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Sedunia (WITSA), George Newstrom.

Apa yang pasti, dengan catatan pelaburan berjumlah RM8.3 bilion yang berjaya diraih sepanjang persidangan, sektor teknologi maklumat dan informasi (ICT) di negara ini bakal menerima suntikan transformasi yang sangat besar dalam tahun-tahun mendatang.

Lebih daripada itu, peluang menjadi tuan rumah kepada penganjuran bertaraf Olimpik IT itu juga menjadi kesempatan paling bermakna buat negara dalam mempromosikan Malaysia sebagai sebuah hab ICT utama di rantau ini.

Paling mendapat manfaat pastinya projek berimpak tinggi terutamanya koridor ICT negeri seperti Pahang, Sabah, Melaka dan Johor yang berjaya menarik perhatian dan keyakinan pelabur asing

Namun, insentif yang paling mengujakan pelabur pastinya pengecualian cukai pendapatan sehingga 10 tahun atau mendapat elaun cukai pelaburan dan pengecualian duti import peralatan multimedia yang merupakan satu bentuk insentif kewangan yang sangat menguntungkan. Barangkali tidak banyak negara lain yang menyediakan insentif sebegitu tinggi dan membuka ruang yang luas kepada pelabur asing seperti yang diberikan oleh kerajaan.

Dari satu sudut, insentif tersebut tidak dinafikan menjadi galakan utama kepada pelabur asing untuk mengembangkan ICT di negara ini dan memastikan rakyat tidak ketinggalan dalam perkembangan sektor itu yang sangat pantas.

Namun, apa yang menjadi persoalan adalah sejauh mana insentif yang disediakan kerajaan itu mampu mengikat keyakinan dan kesetiaan syarikat gergasi serta pelabur ICT untuk meneruskan operasi mereka di negara ini?

Melabur

Mengambil contoh insentif pengecualian cukai selama 10 tahun kepada syarikat berstatus MSC misalnya, apakah ja-



ABDULLAH Ahmad Badawi (dua dari kiri) melihat model i-City '1st MSC Cybercentre' yang akan dibangunkan di Selangor ketika melawat Kongres Teknologi Maklumat Sedunia ke-16 (WICT) 2008, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

untuk mengembangkan operasi di wilayah tersebut.

Dengan keyakinan bahawa ICT bakal mendominasi pelbagai bidang baik sektor awam mahupun swasta, kemasukan pelabur asing termasuk syarikat gergasi bertaraf antarabangsa bakal memberikan manfaat ekonomi dan peningkatan taraf hidup di kalangan rakyat apabila projek-projek tersebut dilaksanakan kelak.

Menilai keyakinan pelabur asing untuk menyuntik modal dalam pelaburan yang sangat tinggi itu, ia pastinya disokong oleh sekian banyak insentif yang disediakan oleh kerajaan dalam mengalu-alukan kedatangan pelabur meneroka pasaran ICT di negara ini.

Paling utama adalah insentif yang diberikan kerajaan kepada syarikat tempatan ataupun antarabangsa yang mendapat status Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi bantuan yang disebut sebagai Bil Jaminan MSC.

Insentif kewangan yang dinikmati oleh kira-kira 1,960 buah syarikat termasuk 112 daripadanya bertaraf antarabangsa itu merangkumi pelbagai aspek yang secara jelas membuka banyak ruang kepada syarikat berkenaan untuk beroperasi dengan berjaya di negara ini.

Ia termasuk penyediaan prasarana fizikal dan maklumat bertaraf dunia, kebebasan mencari modal daripada sumber global untuk prasarana MSC, menyediakan agensi sehenti yang efektif dan banyak lagi.

Minimalkan syarikat berkenaan untuk melabur dalam sektor itu di Malaysia selepas tempoh tersebut?

Sejarah pernah mencatatkan terdapat beberapa buah syarikat yang 'cabut lari' dan memindahkan operasi serantau mereka ke negara lain selepas tempoh itu semata-mata mahu mengelak membara cukai kepada kerajaan.

Malangnya, semua itu berlaku selepas segala insentif yang disediakan kerajaan seperti kepakaran, prasarana dan sebagainya digunakan sewenang-wenangnya oleh syarikat berkenaan untuk mengembangkan sayap perniagaan mereka di rantau ini dengan menjadikan Malaysia atau lebih tepat lagi insentif kerajaan sebagai platform.

Situasi itu seperti yang dijelaskan oleh pensyarah di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Ismail Abdullah adalah satu kerugian kepada negara selepas kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit dalam menawarkan insentif tersebut.

Justeru tambah Ismail, sudah tiba masanya bagi kerajaan menimbang semula insentif pengecualian cukai pendapatan sehingga 10 tahun itu dengan mengenakan cukai dalam jumlah yang tertentu tapi kekal menarik.

"Barangkali insentif pengecualian cukai itu perlu diubah dengan mengenakan cukai yang biarpun sedikit tetapi sekurang-kurangnya memberikan keuntungan kepada kerajaan ketika harga

Dalam menarik pelabur asing, tumpuan perlu juga diberikan dalam 'mengantarabangsakan' syarikat ICT tempatan, seterusnya melahirkan gergasi ICT berwajah Malaysia

ISMAIL ABDULLAH
Pensyarah
Fakulti Sains
dan Teknologi
USIM

bahan api terus meningkat di pasaran dunia," katanya.

Perlunya mekanisme yang lebih meyakinkan bagi mengikat pelabur asing untuk terus mengembangkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang ICT di negara ini melebihi tarikan insentif semata-mata pastinya menjadi agenda utama kerajaan.

Syarikat ICT bertaraf global tidak akan menjadikan negara sebagai pangkalan operasi mereka bagi rantau ini jika pasaran dan potensi untuk perkhidmatan yang ditawarkan mereka tidak terlebih dahulu berkembang dengan baik di negara ini.

Potensi dan peluang inilah yang perlu diterokai oleh kerajaan dan salah satu yang boleh dilaksanakan adalah dengan membudayakan ICT dalam semua bidang baik sektor awam mahupun swasta.

Pelabur asing juga perlu terus diyakinkan bahawa sektor ICT dalam beberapa tahun akan datang bakal menjadi sektor utama di negara ini sekali gus menjanjikan faedah dan pulangan kepada ekonomi yang sangat tinggi.

Dalam usaha ini, kerajaan perlu mempermudah usaha merakyatkan ICT kerana hanya menerusi penerimaan ICT yang meluas di kalangan rakyat sahaja, pelbagai teknologi dan aplikasi terkini serta moden dapat dikembangkan di negara ini.

Namun, dalam membincangkan mengenai tarikan kepada pelabur asing ini, Ismail turut menarik perhatian kepada perlunya tumpuan diberikan dalam 'mengantarabangsakan' syarikat ICT tempatan seterusnya melahirkan gergasi ICT berwajah Malaysia.

Negara katanya, tidak kurang kepakaran tempatan dalam bidang ICT utama seperti perisian, kejuruteraan dan animasi dan adalah sangat menguntungkan sekiranya anak tempatan ini lebih mendapat manfaat daripada insentif ICT yang disediakan kerajaan.

"Ia secara tidak langsung membantu negara melahirkan pakar-pakar tempatan dalam bidang ICT yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pakar dari luar negara," katanya.